

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4(10)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 10 TAHUN 2017**

Tarikh : 25 Oktober 2017 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Amizi bin Aminuddin, Penolong Pegawai Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN PENGERUSI

Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 10/2017 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

**2.1 KARNIVAL KG.TRADISI, KG.SERI AMAN PUCHONG SEMPENA
ULANGTAHUN MPSJ KE-20**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Karnival Kampung Tradisi, Kampung Seri Aman Puchong Sempena Ulangtahun MPSJ Ke 20**. Maklumat program adalah seperti berikut:

- Tarikh** : **11 November 2017 (Sabtu)**
- Masa** : **8.00 pagi hingga 5.00 petang**
- Tempat** : **Masjid Kg.Seri Aman dan
Padang Bolasepak Kg.Seri Aman**

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang karnival ini berlangsung adalah;

a) Seminar Usahawan

Jabatan Pembangunan Masyarakat telah mengambil inisiatif bagi mengadakan seminar keusahawanan sebagai medium kepada komuniti dalam melengkapkan diri dengan kepakaran dan pengetahuan bagi meningkatkan tahap profesionalisme usahawan serta menerapkan nilai-nilai kepakaran untuk memulakan sesuatu bidang pemasaran.

Program Keusahawanan Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) adalah program kerjasama MPSJ dengan Jawatankuasa Penduduk (JKP) di bawah pentadbiran MPSJ. Program ini menyasarkan golongan yang berpendapatan rendah untuk menimba ilmu bagi menjana pendapatan membantu keluarga.

b) Program Big Girl's Talk

Program ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan kepada para remaja berkenaan isu-isu kesihatan seksual sebagai salah satu cara mendidik dan memperkasa keyakinan serta memupuk rasa hormat diri dikalangan mereka untuk menghadapi persekitaran yang mencabar hari ini.

c) Pembukaan kaunter/booth agensi luar (HIJRAH / TEKUN / Pusat Zakat)

- d) Tapak pameran dan jualan produk (IKS) tempatan (kraftangan/makanan dan lain)
- e) Demontrasi Kraftangan (PKMB MPSJ)
- f) Pertandingan Soccer Kids
- g) Pertandingan Futsal
- h) Pertandingan Karom
- i) Pertandingan Dam Aji
- j) Sukan Rakyat
- k) Pertandingan Tarik Tali Antara Kampung

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan karnival ini.

2.2 PROGRAM MENEMBAK BERSAMA AGENSI-AGENSI KERAJAAN MPSJ 2017

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Menembak Bersama Agensi-Agensi Kerajaan MPSJ 2017**. Objektif utama program ini adalah sebagai penghargaan dan merupakan platform dalam mengeratkan lagi kerjasama di antara MPSJ dan agensi-agensi kerajaan di kawasan pentadbiran MPSJ bersama rakan media yang turut dijemput dalam program ini.

Disamping itu juga, MPSJ merupakan perbandaran *vibrant* yang sentiasa memerlukan sokongan dan kerjasama agensi-agensi

kerajaan dalam memastikan perbandaran ini sentiasa selamat dan terkawal. Melalui strategi CBOS (*Council Blue Ocean Strategy*), pihak MPSJ bersama pelbagai agensi kerajaan lain telah bekerjasama bagi mencapai objektif dan misi masing-masing secara strategik dan efektif. Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : 16 November 2017 (Khamis)

Masa : 9.00 pagi – 2.00 petang

**Tempat : Jalan Padang Tembak Lapangan
Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, 47200
Subang, Selangor Darul Ehsan**

2.3 KEJOHANAN KAROM DAN DART TERBUKA MPSJ 2017 SEMPENA ULANGTAHUN MPSJ KE-20

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Kejohanan Karom dan Dart Terbuka MPSJ 2017 Sempena Ulangtahun MPSJ Ke 20** seperti maklumat berikut:

Tarikh : 18 November 2017 (Sabtu)

Masa : 9.00 pagi hingga 9.00 malam

Tempat : Kompleks 3K, SS13 Subang Jaya

Objektif penganjuran kejohanan ini adalah untuk mempromosikan Kompleks 3K MPSJ, SS13, Subang Jaya sebagai pusat riadah dan kemudahan sukan kepada masyarakat khususnya komuniti Subang Jaya. Disamping itu juga, kejohanan ini menggalakkan golongan

belia untuk menceburkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang berfaedah dan menyihatkan badan.

Sasaran penyertaan adalah sebanyak 150 pasukan bagi Karom Beregu dan 64 pasukan bagi Dart Beregu. Setiap pasukan akan dikenakan yuran penyertaan sebanyak RM60.00 satu beregu bagi Karom dan RM30.00 satu beregu bagi Dart Beregu.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan pertandingan ini.

2.4 PROGRAM SUNWAY THE GOOD RUN

Sukacita dimaklumkan bahawa **Program Sunway The Good Run** ini merupakan program *Sunway Group* dengan kerjasama Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bagi menerapkan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat dalam bandar sekaligus meningkatkan lagi imej MPSJ selaku pentadbir perbandaran yang mesra komuniti dan mesra alam sekitar. Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : **29 Oktober 2017 (Ahad)**
Masa : **6.00 pagi – 10.00 pagi**
Tempat : **Sunway Medical Centre
No 5, Jalan Lagoon,
Bandar Sunway,
47500 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan**

Program larian ini terbahagi kepada dua kategori iaitu 5 kilometer dan 15 kilometer. Laluan program ini akan melibatkan laluan sekitar jalan *South Quay* PJS 11/5, PJS 11/7 dan PJS 9/1 bagi kategori 5 kilometer manakala bagi 15 kilometer akan menggunakan laluan BRT sepanjang 10 kilometer. Penutupan jalan raya dan penggunaan

jalan alternatif bagi program ini akan bermula pada jam 6.00 pagi sehingga 10.00 pagi.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

2.5 LAPORAN DEMAM DENGGI

Sehingga minggu epid ke 42 tahun 2017, MPSJ telah mencatatkan 4,599 kes demam denggi. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 42% jika dibandingkan dengan bilangan kes minggu epid yang sama pada tahun lepas iaitu sebanyak 7,874 kes.

Lokaliti hotspot demam denggi sehingga minggu epid ke 42 adalah berjumlah **2** iaitu seperti berikut:

| BIL | ZON | BILANGAN LOKALITI HOTSPOT |
|---------------|----------------|--------------------------------------|
| 1. | Subang Jaya | 0 |
| 2. | Seri Serdang | 1 |
| 3. | Seri Kembangan | 1 |
| 4. | Kinrara | 0 |
| JUMLAH | | 2 |

Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk meletakkan tanggungjawab bersama dalam menangani masalah denggi, pihak Majlis telah melantik seramai **24 orang Ahli Majlis MPSJ sebagai Pengerusi Anti Denggi Zon JKP dan 22 orang pegawai Majlis dilantik sebagai penasihat anti denggi.** Mereka yang dilantik berperanan terutamanya untuk bersama-sama memastikan zon di bawah jagaan masing-masing bebas daripada menjadi lokaliti hotspot atau kawasan wabak denggi.

2.6 KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR: CADANGAN PELANJUTAN TEMPOH PERKHIDMATAN AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR PENGGAL 2016/2017 SEHINGGA PEMBUBARAN DEWAN NEGERI SELANGOR

Dimaklumkan bahawa keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 31/2017 yang diadakan pada 20 September 2017 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Negeri Selangor Ke 32/2017 pada 4 Oktober 2017 telah memutuskan perkara seperti berikut – **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menimbangkan dan meluluskan cadangan pelanjutan tempoh perkhidmatan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor Penggal 2016/2017 sehingga 30 Jun 2018.**

2.7 PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN (MPSJ) 2018

Pembaharuan Lesen Perniagaan dan Iklan Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi tahun 2018 akan bermula pada **14 November 2017 sehingga 5 Januari 2018**. Pembaharuan Lesen Perniagaan dan iklan ini boleh dibuat di kaunter Ibu Pejabat MPSJ selain Kaunter Pejabat Cawangan Bandar Puteri, Puchong dan Pejabat cawangan MPSJ (Stadium), Serdang Jaya.

Kaunter Ibu Pejabat MPSJ akan dibuka pada setiap hari bermula jam 8.30 pagi sehingga jam 6.00 petang. Manakala kaunter cawangan akan mula beroperasi jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang. Kaunter tidak akan beroperasi pada hari Sabtu dan Ahad.

Pembaharuan Lesen Perniagaan dan iklan juga boleh dibuat melalui kaedah berikut:-

- i) Secara Online melalui laman web MPSJ <http://www.mpsj.gov.my>, pelanggan perlu daftar dengan My@MPSJ
- ii) Pembayaran di kaunter dan Kiosk Bayaran di Ibu Pejabat MPSJ.

Pemilik perniagaan dikawasan MPSJ diingatkan supaya menjelaskan tunggakan Notis Tawaran Kompaun (NTK) sekiranya ada. Selain itu pemilik perniagaan juga perlu memastikan semua syarat-syarat tambahan bagi Lesen Perniagaan dan Iklan telah dipatuhi dan tempoh kelulusan tersebut masih sah sebelum pembaharuan lesen dibuat.

2.8 MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR KE-13 (TIGA BELAS) TAHUN 2017

Sukacita dimaklumkan bahawa **Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor ke 13 tahun 2017** akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh-tarikh Mesyuarat

- i) **3 November 2017 (Jumaat) jam 3.00 petang – Ucapan Bajet 2017;**
- ii) **6 November – 10 November 2017 (Isnin – Jumaat); dan**
- iii) **13 November - 16 November 2017 (Isnin – Khamis)**

Waktu Persidangan:

Waktu persidangan ialah dari pukul 10.00 pagi hingga 1.00 tengahari dan 2.30 petang hingga 4.30 petang, **kecuali** pada hari

Jumaat akan bermula pada pukul 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 3.00 petang hingga 4.30 petang.

**Tempat Persidangan : Bangunan Dewan Negeri
Selangor, Shah Alam**

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 9/2017

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 9 Tahun 2017 yang telah diadakan pada 27 September 2017 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 19/2017 bertarikh 4 Oktober 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 20/2017 bertarikh 23 Oktober 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|-----------------------|--------------------------------|--|---|
| 1. | Para 3.5 & m/surat 18 | Encik Chang Kim Loong A.M.N | Permohonan Serentak Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan (Tambah Ubahsuaian) | <p>Beliau memohon penjelasan mengenai status terkini pelaksanaan garis panduan tambahan dan ubahsuai bangunan rumah berkembar dan rumah sesebuah sediaada.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa pihak Majlis telah menyediakan kertas kerja berhubung perkara tersebut dan akan dibentangkan didalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor untuk pertimbangan dan kelulusan.</p> <p>Pihak kerajaan negeri juga berhasrat untuk menggunakan garis panduan tersebut di seluruh Selangor.</p> <p>Tindakan: Jabatan Perancang Bandar</p> |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|-----------------------|--------------------------------|---|--|
| 2. | Para 5.7 & m/surat 69 | Encik Chang Kim Loong A.M.N | Permohonan Kebenaran Merancang Perubahan Material Kegunaan Bangunan daripada Kedai Pejabat kepada Hotel (44 bilik) di alamat No. 60, Pusat Perdagangan One, Jalan OP 1/5, Off Jalan Puchong, Selangor untuk Best View Hotel | <p>Beliau mencadangkan agar pihak Majlis meneliti setiap permohonan kebenaran merancang untuk dijadikan hotel dengan lebih terperinci khususnya melibatkan latarbelakang pemilik dan syarat-syarat berkaitan untuk mengelakkan operator hotel menjalankan aktiviti yang tidak sihat serta memudahkan tindakan perundangan dilaksanakan sekiranya berlaku pelanggaran peraturan atau syarat.</p> <p>Pihak Majlis juga perlu memastikan setiap permohonan yang diterima adalah dari pemilik sah syarikat atau <i>legal entity</i>.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p> |

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat Bil. 9/2017 bertarikh 5 Oktober 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 10/2017 bertarikh 10 Oktober 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat Bil. 8/2017 bertarikh 10 Oktober 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|------------|---------------------------|---------------------|---|--|
| 1. | Para 2.2 & m/surat 2 | Encik Jaber bin Ami | Taklimat CCTV Camera Live Feeds oleh Cyber RT | Beliau mencadangkan agar pihak Majlis mengkaji servis-servis tambahan yang boleh ditawarkan oleh syarikat perkhidmatan CCTV agar perkhidmatan yang diberikan lebih efektif dan efisien. Makluman |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|----------------------|-----------------------|--|---|
| 2. | Para 6.2 & m/surat 6 | Encik Pooi Weng Keong | Kertas Cadangan Dasar Pengambilan Ahli Keluarga Pegawai dan Kakitangan Bagi Mengisi Kekosongan Jawatan Di Majlis Perbandaran Subang Jaya | <p>Beliau memohon Ahli-Ahli Mesyuarat untuk menyemak semula keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat Bil.08/2017 yang telah menangguhkan kertas cadangan berkenaan perkara tersebut.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan cadangan didalam kertas mesyuarat tersebut dengan perincian seperti berikut:</p> <p>a) Jawatan Pengurusan & Profesional – Calon mestilah tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan kakitangan yang sedia ada iaitu adik beradik, anak, suami atau isteri dan menantu.</p> |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|----------------|-------------|---------|--|
| | | | | <p>b) Kumpulan Sokongan B, C dan D – Hanya dua sahaja saudara terdekat (adik beradik, anak, suami atau isteri) yang boleh dipertimbangkan untuk dipilih sebagai calon untuk mengisi kekosongan jawatan setelah melepasi semua syarat-syarat keperluan jawatan. Syarat ini meliputi Ahli Majlis, Pegawai dan Kakitangan.</p> <p>Tindakan: Jabatan Khidmat Pengurusan</p> |

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 10/2017 bertarikh 11 Oktober 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|----------------|-------------|----------------------|---------------------------------------|
| 1. | Para 5.6 & | Encik Jaber | Tindakan susulan dan | Beliau mencadangkan agar pihak Majlis |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|----------------|-------------|--|--|
| | m/surat 13 | bin Ami | pemantauan ke atas pemilik pusat <i>snooker</i> di USJ 1 kerana gudang tersebut telah dijadikan pusat perjudian. | mengubal dasar yang melarang aktiviti <i>snooker</i> beroperasi di premis kilang dan gudang bagi mengelakkan ianya dijadikan sebagai pusat perjudian dan aktiviti tidak sihat yang lain. Tindakan: Jabatan Pelesenan |

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 10/2017 bertarikh 21 Oktober 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 10/2017 bertarikh 13 Oktober 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan Bil. 10/2017 bertarikh 13 Oktober 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|------------------------|--|---|---|
| 1. | Para 10.3 & m/surat 10 | Encik Wan Hock Leong, P.J.K., P.J.M., P.P.A | Kertas Cadangan Pembaharuan Lesen Perniagaan Tahun 2018 Bagi Aktiviti Pusat Penjagaan Kesihatan | Beliau mencadangkan agar pemeriksaan premis bagi tujuan pembaharuan lesen perniagaan bagi aktiviti Pusat Penjagaan Kesihatan bukan hanya melibatkan Ahli Majlis Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan sahaja tetapi turut melibatkan Ahli Majlis Kawasan. Tindakan: Jabatan Pelesenan |

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT/KERTAS MAKLUMAN

6.1 PINDAAN KE ATAS KERTAS KERJA PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN SUBANG JAYA 2035 - PENEMUAN PROGRAM PUBLISITI AWAL YANG TELAH DIBENTANGKAN PADA MESYUARAT PENUH BIL. 9/2017 BERTARIKH 27 SEPTEMBER 2017

Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan oleh Encik Ismail bin Muhamad, Pengarah Jabatan Perancang Bandar. Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima pembentangan kertas mesyuarat tersebut.

6.2 KERTAS MAKLUMAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Kertas makluman ini telah dibentangkan oleh Puan Emilia binti Nasir, Penolong Pengarah Unit Integriti. Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima pembentangan kertas makluman tersebut.

6.3 KERTAS KERJA PENETAPAN PEGAWAI MELULUS PEMBELIAN TERUS MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan oleh Encik Mohd Fadzil bin Mahat, Pengarah Jabatan Perbendaharaan. Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima pembentangan kertas mesyuarat tersebut.

7.0 PENUTUP

Sebelum mengakhiri perutusan, Tuan Pengerusi mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut '**Hari Deepavali**' kepada Ahli Majlis, pegawai dan warga kerja MPSJ yang meraikannya.

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **November 2017** akan diadakan pada **22 November 2017(Rabu)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 25 Oktober 2017

" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(NIK ZALINA BINTI MEGAT MUDA),
Timbalan Pengarah
Jabatan Khidmat Pengurusan
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S. Timbalan Yang Dipertua | - | Pengerusi |
| 2. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 3. | TPr. Hj. Jaber bin Ami, P.J.K. | - | " |
| 4. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | " |
| 5. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir | - | " |
| 6. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 7. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 8. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 9. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 10. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 11. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 12. | Encik Wan Hock Leong, P.J.K., P.J.M., P.P.A. | - | " |
| 13. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 14. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 15. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |
| 16. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 17. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |

- | | | | |
|-----|---------------------------------|---|---|
| 18. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 19. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 20. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N. | - | " |
| 21. | Puan Wong Siew Ki | - | " |
| 22. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | Ahli Majlis |
| 2. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 3. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohamad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. TPr. Ismail Bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

6. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
7. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
8. Puan Hjh. Anita binti Abd. Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Puan Hjh. Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
10. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Puan Hjh. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
12. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
13. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
14. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
15. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
16. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
17. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan
Pengarah, Jabatan COB
18. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap

19. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
20. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
21. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
22. Encik Azfarizal bin Abd Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
23. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
24. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
25. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
26. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
27. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
28. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
29. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
30. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
31. Cik Helda Syima binti Abu Talab

32. Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Koporat & Pengurusan Strategik
Encik Mohd Razmi bin Mat Sehat
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
33. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
34. Encik Nordin bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
35. Encik Nazri Faiz bin Zainal
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
36. Puan Jaswani binti Jamaluddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
37. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
38. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
40. Cik Hasniza binti Husin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
41. Encik Mohd Fikri bin Misro
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
42. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
43. Encik Mohd Kamil bin Basir
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
44. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

45. Puan Roslailatulhani binti Md Sawal
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
46. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
47. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
48. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
49. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
50. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
51. Encik Muhammad Iskandar Z bin Azmi
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
52. Cik Nadia binti Muhamad Amin
Penolong Pengarah, Jabatan Landskap
53. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
54. Encik Zamir Umbra bin Shahimi
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
55. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
56. Puan Nabila Amalina binti Mohd Hamid
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
57. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

58. Puan Siti Mahirah binti Sidik
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
59. Puan Salihah binti Ramli
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
60. Puan Nurul Saadah binti Abdul Wahab
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
61. Cik Roshaira binti Rosly
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
62. Encik Muhammad Shah Faris bin Kamarulzaman
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
63. Cik Zamzamah binti Dato' Zainuddin
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
64. Encik Muhamad Farid bin Abdul Ghani
Penolong Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
65. Encik Azmi Maricar bin Ahamed
Penolong Pegawai Senibina, Jabatan Bangunan

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir (Kanan), Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Norawalia binti Shafiai

Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan